



**GARIS PANDUAN PERMOHONAN MENJALANKAN PENYELIDIKAN
KLINIKAL DI HSAAS BAGI PENYELIDIK**

1.0 TUJUAN

Garis Panduan ini bertujuan menerangkan kepada penyelidik tentang tatacara permohonan geran penyelidikan, pengurusan dan pelaksanaan projek penyelidikan, pemantauan, perlindungan harta intelek, penyebaran dan pengkomersilan hasil penyelidikan

2.0 TERMINOLOGI DAN SINGKATAN

HSAAS	: Hospital Sultan Abdul Aziz Shah
FPSK	: Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
CRU	: <i>Clinical Research Unit / Unit Penyelidikan Klinikal</i>
JKEUPM	: Jawatankuasa Etika Universiti Putra Malaysia (JKEUPM)
JPU	: Jawatankuasa Pengurusan Universiti
TNCPI	: Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
PYB	: Pegawai Yang Bertanggungjawab
PTJ	: Pusat Tanggungjawab yang terlibat dalam aktiviti penyelidikan
PUU	: Penasihat Undang-Undang
Penaja Geran	: Terdiri daripada pihak awam dan swasta
CRO	: <i>Clinical Research Organisation / Wakil yang dilantik oleh Penaja Geran</i>
PI	: <i>Principal Investigator / Ketua Penyelidik</i>

3.0 PANDUAN

No.	Tindakan	Tanggungjawab
3.1	3.1.1 Hantar Permohonan (a) Sediakan surat permohonan dengan mengisi Borang Permohonan Menjalankan Penyelidikan di HSAAS (HSAAS/CRU/BR70) . Borang boleh dimuat turun di laman sesawang: Penyelidikan@HSAAS (b) Permohonan perlu disertakan bersama dokumen sokongan seperti berikut: i. Kertas Cadangan Penyelidikan (<i>Proposal</i>)	PI / PYB



**GARIS PANDUAN PERMOHONAN MENJALANKAN PENYELIDIKAN
KLINIKAL DI HSAAS BAGI PENYELIDIK**

No.	Tindakan	Tanggungjawab
	<p>ii. Salinan Surat Kelulusan Jawatankuasa Etika Universiti Putra Malaysia (JKEUPM)</p> <p>iii. Surat Tawaran daripada Pihak Penaja (sekiranya ada)</p> <p>iv. Dokumen Perjanjian Penyelidikan (bagi penyelidikan yang perlu memeterai perjanjian dengan pihak-pihak berkenaan bagi projek kerjasama)</p> <p>v. Surat Permohonan Pembukaan Akaun Amanah (SOK/KEW/BR042/AKN) (sekiranya diperlukan)</p> <p>(c) Sila rujuk pautan berikut bagi tatacara permohonan kelulusan dan muat turun borang berkaitan:</p> <p>i. Permohonan Pembukaan Akaun Amanah</p> <p>ii. Permohonan Kelulusan JKEUPM</p> <p>(d) Penyelidik digalakkan memaklumkan / mendapatkan kelulusan daripada Ketua Jabatan / Unit bagi klinik / wad / makmal / lain-lain fasiliti di HSAAS yang telah dirancang akan terlibat di dalam aktiviti penyelidikan terlebih dahulu bagi memastikan penyelidikan berjalan dengan lancar.</p>	
	<p>3.1.2 Semakan Dokumen Perjanjian Penyelidikan</p> <p>(a) Pejabat PUU, HSAAS akan menyemak dan memberikan pandangan perundangan ke atas draf perjanjian dengan mengambil kira kepentingan kepada UPM.</p> <p>(b) Sekiranya terdapat pindaan pada draf perjanjian, pihak PUU akan mengemukakan semula draf perjanjian beserta pindaan kepada Ketua Penyelidik / pihak Penaja / CRO bagi tindakan selanjutnya.</p> <p>3.1.3 Kelulusan Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU)</p> <p>(a) Kertas cadangan menandatangani dokumen perjanjian penyelidikan akan disediakan oleh pihak CRU dan akan dibentangkan di dalam mesyuarat JPU melalui Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi).</p>	PUU / PI / Penaja Geran / CRO / CRU



**GARIS PANDUAN PERMOHONAN MENJALANKAN PENYELIDIKAN
KLINIKAL DI HSAAS BAGI PENYELIDIK**

No.	Tindakan	Tanggungjawab
	<p>(b) Dokumen yang akan dilampirkan bersama dengan kertas cadangan adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none">i. salinan bersih dokumen perjanjian penyelidikan yang telah disemak dan diperaku oleh PUU serta dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak;ii. salinan surat kelulusan JKEUPM;iii. salinan emel semakan dokumen daripada PUU daniv. surat iringan daripada Pejabat Pengarah HSAAS.	
	<p>3.1.4 Tandatangan Naib Canselor UPM</p> <p>(a) Dokumen perjanjian penyelidikan akan ditandatangani oleh Naib Canselor UPM setelah kertas cadangan penyelidikan diluluskan oleh mesyuarat JPU.</p> <p>(b) Sekurang-kurangnya dua (2) salinan bersih dokumen perjanjian penyelidikan perlu disediakan oleh penyelidik / pihak Penaja / CRU (sekiranya perlu) dan disertakan bersama dokumen berikut:</p> <ul style="list-style-type: none">i. Surat iringan daripada Pejabat Pengarah HSAAS danii. Salinan petikan minit mesyuarat JPU <p>3.1.5 Pelaksanaan Penyelidikan</p> <p>(a) Penyelidikan perlu dilaksanakan sepatimana kertas cadangan penyelidikan yang telah diluluskan atau dokumen perjanjian penyelidikan yang telah ditandatangani dan dokumen tadbir urus daripada penaja yang berkuatkuasa.</p> <p>(b) Sila rujuk panduan pelaksanaan bagi Geran UPM dan Geran Luar - Garis Panduan Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi untuk Penyelidik (PU/PY/GP15/PENYELIDIK).</p> <p>(c) Penyelidik perlu mengemukakan / memberi maklum balas laporan kemajuan (<i>progress</i>) penyelidikan setiap dua (2) bulan melalui emel yang dihantar oleh pihak CRU / secara lisan (telefon).</p>	PI / PYB / Penaja Geran / CRU



**GARIS PANDUAN PERMOHONAN MENJALANKAN PENYELIDIKAN
KLINIKAL DI HSAAS BAGI PENYELIDIK**

No.	Tindakan	Tanggungjawab
	<p>(d) Rekod aktiviti dan laporan kemajuan penyelidikan akan dikemaskini secara berkala oleh pihak CRU berdasarkan maklum balas yang diberikan oleh Penyelidik.</p> <p>(e) Laporan kemajuan penyelidikan akan dibentangkan di mesyuarat-mesyuarat seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none">i. Mesyuarat Pengurusan HSAAS,ii. Mesyuarat Ketua Jabatan HSAAS,iii. Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan FPSK daniv. Mesyuarat Bersama <i>CRU Associate Members (CRAMs) & Clinical Scientist Coterie (CSC)</i>	
	<p>3.1.5 Pelaporan Aktiviti Penyelidikan</p> <p>(a) Penyelidik perlu mengemukakan / memberi maklum balas laporan kemajuan (<i>progress</i>) penyelidikan setiap dua (2) bulan melalui emel yang dihantar oleh pihak CRU / secara lisan (telefon).</p> <p>(b) Rekod aktiviti dan laporan kemajuan penyelidikan akan dikemaskini secara berkala oleh pihak CRU berdasarkan maklum balas yang diberikan oleh Penyelidik.</p> <p>(c) Laporan kemajuan penyelidikan akan dibentangkan di mesyuarat-mesyuarat seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none">v. Mesyuarat Pengurusan HSAAS,vi. Mesyuarat Ketua Jabatan HSAAS,vii. Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan FPSK danviii. Mesyuarat Bersama <i>CRU Associate Members (CRAMs) & Clinical Scientist Coterie (CSC)</i> <p>3.1.6 Pembentangan Hasil Penyelidikan</p> <p>(a) Penyelidik yang telah selesai menjalankan aktiviti penyelidikan DIWAJIBKAN untuk membentangkan hasil kajian di <i>Research Colloquium</i> anjuran CRU dalam tempoh enam (6) bulan setelah selesai.</p>	PI / PYB



**GARIS PANDUAN PERMOHONAN MENJALANKAN PENYELIDIKAN
KLINIKAL DI HSAAS BAGI PENYELIDIK**

No.	Tindakan	Tanggungjawab
	<p>(b) Penyelidikan dianggap selesai apabila telah memasuki fasa analisis data.</p> <p>(c) Kegagalan membuat pembentangan tersebut akan mengakibatkan nama Ketua Penyelidik disenarai hitam daripada melakukan sebarang aktiviti penyelidikan di HSAAS pada masa akan datang sehingga pembentangan penyelidikan tersebut dilaksanakan.</p>	